

# FPSK UMS tingkat kesedaran keselamatan jalan raya

UB 19.06.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui One Health Student Club (OHSC) di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mengadakan kolaboratif strategik dengan beberapa agensi sebagai usaha kempen terhadap kesedaran keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Kolaboratif bagi pengajian program 'Road Safety Awareness Campaign' anjuran bersama Persatuan Alumni IATSS Forum Jepun, Malaysia (MIFA) yang diadakan di FPSK baru-baru ini turut melibatkan sokongan dari pelbagai agensi antaranya dari Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), pejabat Konsulat Jepun dan Honda Malaysia.

Menurut kenyataan dari OHSC, antara objektif pengajian program itu termasuklah meningkatkan tahap kesedaran para penuntut IPT mengenai kepentingan keselamatan jalan raya, memberikan pengetahuan yang



**ALBUM:** Para peserta, tetamu kehormat dan barisan Ahli Jawatankuasa merakamkan gambar selepas penutupan program.

praktikal mengenai langkah-langkah keselamatan dan menggalakkan amalan bertanggungjawab dalam kumpulan," demikian menurut kenyataan itu.

"Program ini turut memberikan informasi yang jelas dan ringkas mengenai peraturan lalu lintas, tanda-tanda jalan dan langkah-langkah keselamatan semasa berjalan kaki atau menggunakan kereta.

"Untuk memastikan objektif program tercapai, pelbagai aktiviti menarik telah

diadakan seperti pertandingan TikTok, Explorace dan aktiviti latihan dalam kumpulan," demikian menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Dekan FPSK, Datuk Dr. Mohd. Yusof Ibrahim dalam ucapannya sempena perasmian program itu menyatakan sokongan penuh UMS terhadap pengajian program berkenaan.

"Program ini diharap mampu menjadi perintis

kepentingan keselamatan jalan raya dalam kalangan masyarakat.

"Ada banyak sebenarnya kepentingan yang boleh diperoleh daripada mempelajari peraturan jalan raya, antaranya adalah mengurangi risiko kemalangan jalan yang mungkin boleh berlaku kepada pengguna jalan raya," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia IATSS Forum Jepun, Dato' Zurai-

dah Atan dalam ucapannya turut menekankan kepentingan sikap tanggungjawab dalam menjaga keselamatan jalan raya terutamanya di peringkat IPT.

"Justeru, adalah diharapkan program seumpama ini mampu melahirkan lebih ramai mahasiswa yang mempunyai kesedaran tentang keselamatan jalan raya serta mampu menjadi penerus kepada legasi kelestarian keselamatan dan kesihatan pengguna jalan raya di Malaysia," katanya.

Seramai 81 orang pelajar daripada lima buah IPT termasuklah UMS, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Politeknik Kota Kinabalu, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) KK dan Cyberjaya College Sabah hadir pada program tersebut.

Hadir sama Konsulat Jeneral Jepun ke Malaysia, Yamashita Yoshito; Penyelaras Kanan, Honda Malaysia, Makoto Uchida; dan Pengurus Besar, IATSS Forum Jepun, Yoshinari Takagaki.